

# ANALISIS AGIHAN ZAKAT PENDIDIKAN OLEH INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DI SABAH

## ***ANALYSIS OF EDUCATIONAL ZAKAT DISTRIBUTION BY HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS IN SABAH***

**Nor Alhana Abd Malik<sup>1</sup>**

**Siti Nurhafizan Panglima<sup>2</sup>**

**Razizi Tarmuji<sup>3</sup>**

**Noorisah Taljid<sup>4</sup>**

**Nur Ilma Ambo<sup>5</sup>**

<sup>1</sup> Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sabah, 88997 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia (E-mail: noral801@uitm.edu.my)

<sup>2</sup> Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu 88400, Sabah, Malaysia (E-mail: hafizanpanglima@ums.edu.my)

<sup>3</sup> Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sabah, 88997 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia (E-mail: raziz106@uitm.edu.my)

<sup>4</sup> Pusat Islam, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu 88400, Sabah, Malaysia (E-mail: noorisah@ums.edu.my)

<sup>5</sup> Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu 88400, Sabah, Malaysia (E-mail: nurilma@ums.edu.my)

\*Corresponding author: noral801@uitm.edu.my

### Article history

**Received date** : 19-6-2025

**Revised date** : 20-6-2025

**Accepted date** : 25-7-2025

**Published date** : 15-8-2025

### To cite this document:

Abd Malik, N. A., Panglima, S. N., Tarmuji, R., Taljid, N., & Ambo, N. I. (2025). Analisis agihan zakat pendidikan oleh institusi pengajian tinggi di Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (74), 233 - 243.

**Abstrak:** Bantuan pendidikan merupakan elemen penting dalam usaha membebaskan golongan asnaf daripada belenggu kemiskinan. Dalam konteks ini, institusi zakat memainkan peranan yang signifikan dengan menyalurkan dana zakat sebagai bentuk sokongan pendidikan kepada golongan tersebut. Usaha melokalisasikan pengagihan zakat di institusi pengajian tinggi (IPT) membuka ruang kepada pelajar asnaf untuk melanjutkan pengajian serta memotivasi mereka untuk mencapai kecemerlangan akademik. Di Sabah, Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) telah mengambil inisiatif bekerjasama dengan beberapa IPT tempatan sebagai penolong amil dalam pengurusan agihan zakat. Oleh itu, kajian ini bertujuan meneliti pelaksanaan pengagihan zakat kepada pelajar asnaf di dua buah IPT di Sabah iaitu Universiti Teknologi MARA Cawangan Sabah (UiTMCS) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah dokumentasi dan kajian perpustakaan bagi pengumpulan data, manakala analisis kandungan digunakan untuk menganalisis dapatan. Hasil kajian menunjukkan bahawa bantuan zakat berjumlah hampir RM4 juta bagi tempoh tiga tahun telah disalurkan kepada lebih 7,000 orang pelajar asnaf di kedua-dua IPT yang merangkumi empat kategori asnaf iaitu fakir, miskin, fit sabillah dan mualaf. Kerjasama antara institusi zakat dan IPT dilihat sebagai langkah proaktif dalam memperkuuh bantuan kewangan kepada pelajar seterusnya dapat meringankan beban ekonomi mereka serta meningkatkan prestasi akademik dan kualiti hidup. Kajian ini diharap dapat memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai peranan institusi zakat dan IPT dalam menyokong

pembangunan pendidikan tinggi untuk golongan asnaf di Sabah dan Malaysia secara amnya.

**Kata Kunci:** agihan zakat, pendidikan, universiti, amil zakat

**Abstract:** Educational assistance is a key element in efforts to liberate the asnaf group from the shackles of poverty. In this context, zakat institutions play a significant role by channeling zakat funds as a form of educational support for this group. Localizing zakat distribution within higher education institutions (HEIs) creates opportunities for asnaf students to pursue further education and motivates them to achieve academic excellence. In Sabah, the Sabah Islamic Religious Council (Majlis Ugama Islam Sabah, MUIS) has taken the initiative to collaborate with several local HEIs by appointing them as Assistant Amils in the management of zakat distribution. Therefore, this study aims to examine the implementation of zakat distribution to asnaf students at two HEIs in Sabah: Universiti Teknologi MARA Cawangan Sabah (UiTMCS) and Universiti Malaysia Sabah (UMS). This research employs a qualitative approach using documentation and library research methods for data collection, while content analysis is used to analyse the findings. The results show that zakat assistance amounting to nearly RM4 million over a three-year period was distributed to more than 7,000 asnaf students across both institutions, covering four categories of asnaf: the poor (*fakir*), the needy (*miskin*), those striving in the path of Allah (*fi sabilillah*), and new converts to Islam (*muallaf*). The collaboration between zakat institutions and HEIs is viewed as a proactive measure in strengthening financial assistance for students, thereby easing their economic burden and enhancing academic performance and quality of life. This study is expected to provide a clearer picture of the role of zakat institutions and HEIs in supporting the development of higher education for the asnaf group in Sabah and Malaysia in general.

**Keywords:** zakat contribution, education, university, amil zakat

## Pendahuluan

Zakat dalam Islam berfungsi bukan sahaja sebagai kewajipan agama bahkan sebagai alat untuk mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi dan sosial melalui cara menyalurkan sebahagian kekayaan daripada golongan kaya kepada golongan yang memerlukan. Zakat pendidikan merupakan pelaburan sosial yang penting dalam pembangunan negara khususnya dalam membantu golongan asnaf keluar daripada kemiskinan. Bukan sahaja dapat memenuhi keperluan asas pelajar tetapi juga memberikan mereka peluang untuk mencapai kesejahteraan sosial dan kemajuan akademik sekali gus mengurangkan kadar keciciran pelajar (Rosli et al., 2021).

Di Malaysia, bantuan zakat pendidikan disalurkan daripada peringkat sekolah rendah hingga ke pengajian tinggi. Negeri Sabah merupakan antara negeri yang menyediakan skim zakat pendidikan yang menyeluruh merangkumi pelbagai aspek keperluan asnaf (Rahman & Anwar, 2014). Bantuan zakat ini merangkumi pelbagai keperluan asnaf seperti pembiayaan tiket penerbangan untuk pengajian di IPTA/IPTS dalam dan luar negara, bantuan yuran pendaftaran, bayaran kelas tuisyen serta seminar motivasi pelajar (Bahagian Zakat dan Fitrah, MUIS, 2018).

Kos di Institut Pengajian Tinggi (IPT) terbahagi kepada dua keperluan utama iaitu keperluan sara hidup yang diperlukan oleh seorang pelajar dan keperluan akademik (Sayyin, et.al, 2017).

Kos-kos yang tinggi menjadi cabaran besar kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah terutamanya di Sabah yang mencatat kadar kemiskinan tertinggi di Malaysia iaitu 25.3% pada tahun 2020 (Adnan, W.A, 2020). Kemiskinan berpotensi menyebabkan pelajar di pengajian tinggi tercicir. Oleh itu, bantuan zakat sangat diperlukan oleh mereka untuk terus belajar dan keluar dari kemiskinan (Rosli et al., 2021).

Walaupun pelbagai institusi telah memberi bantuan zakat kepada universiti tetapi terdapat kekurangan kajian yang membincangkan cara zakat ini diagihkan di antara universiti cawangan dan induk. Ketidaktentuan dan perbezaan pendekatan dalam pengagihan zakat pendidikan boleh memberi kesan terhadap keberkesanan bantuan itu. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis bagaimana zakat pendidikan diagihkan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Teknologi MARA Cawangan Sabah (UiTMCS) serta untuk memahami bagaimana perbezaan pendekatan ini mempengaruhi peluang pelajar asnaf untuk meneruskan pengajian mereka.

### Sorotan Literatur

Institusi zakat negeri dan unit baitulmal di bawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) menyediakan pelbagai bantuan pendidikan kepada golongan asnaf termasuk bantuan persekolahan, biasiswa kecil serta bantuan pengajian dalam dan luar negara (Rahman, A.A. & Anwar, S.M, 2014). Kerjasama antara institusi zakat dan IPT juga membolehkan penyaluran bantuan kepada pelajar asnaf. Kelayakan pelajar untuk menerima bantuan zakat adalah kerana mereka menjalankan tanggungjawab fardhu kifayah dan manfaatnya tidak terbatas untuk dirinya seorang tetapi untuk kebaikan umat seluruhnya (Rahman & Makhtar, 2011).

Sehingga 2016, 11 IPT termasuk Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) telah bekerjasama dengan Lembaga Zakat Selangor (LZS) (Wiwitan D. et al., 2016), manakala UiTM Cawangan Kedah bekerjasama dengan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) (Ayub et al., 2022). Di Sabah pula, kerjasama diwujudkan antara MUIS dan UiTMCS (Tarmuji et al., 2022), serta UMS sebagai ejen kutipan dan agihan zakat pada 2022 (Utusan Borneo, 2022). Kajian Mahmud R et al. (2014) menunjukkan setiap IPT mengamalkan urus tadbir zakat yang berbeza tetapi konsep melokalisasikan IPT dalam urus tadbir zakat membuktikan keberkesannya dengan peningkatan jumlah dana zakat yang dikutip berbanding dengan kaedah yang berpusat di institusi zakat negeri. Ismail & Ali (2021) mendapati UKM dan UPM mengagihkan zakat kepada lima kategori asnaf iaitu fakir, miskin, *fi sabilillah*, mualaf dan *ibn sabil* dalam pelbagai bentuk bantuan. Kajian Ayub et al. (2022) pula menunjukkan kecekapan pengurusan zakat di UiTM Cawangan Kedah dipertingkatkan melalui kerjasama dengan LZNK. Kerjasama tersebut mampu meningkatkan kutipan dan agihan zakat seterusnya memberi peluang yang lebih luas kepada asnaf.

Bantuan zakat pendidikan juga memberi impak positif kepada pelajar IPT. Saharuddin et al. (2020) mendapati ia membantu alumni Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL) melanjutkan pengajian dan meningkatkan motivasi belajar. Menurut Muhamad N. H. N et al. (2018), bantuan ini digunakan untuk keperluan asas seperti yuran, makanan dan peralatan belajar. Ayub et al. (2022) juga melaporkan zakat digunakan untuk memenuhi keperluan harian pelajar miskin. Nor Azrul (2020) menegaskan bahawa agihan zakat mampu mengurangkan kadar keciciran dalam kalangan pelajar IPT.

## Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan analisa dokumen sebagai kaedah pengumpulan data melalui analisa kandungan iaitu deskripsi objektif maklumat komunikasi yang telah diterbitkan (Jasmi, K.A, 2012). Analisa dokumen melibatkan sumber primer berkaitan pelaksanaan agihan zakat di UiTMCS sebagai universiti cawangan dan UMS sebagai universiti induk yang berkemungkinan mempengaruhi perbezaan dalam pengurusan agihan zakat.

## Dapatan Kajian

### Latar Belakang Pengurusan Zakat di UiTMCS dan UMS

UiTM merupakan universiti pertama diberikan kebenaran oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) pada tahun 1998 untuk melaksanakan pungutan dan agihan zakat dalam kalangan warganya (Hashim, N. & Mustaffa, M.Z, 2012). Sekaligus menjadikan UiTM sebagai universiti awam pertama yang menjadi perintis pelantikan Penolong Amil-Lembaga Zakat Selangor (LZS). Terdapat beberapa penstrukturkan semula organisasi dan nama bagi unit zakat di UiTM sejak pelantikan tersebut. Bermula tahun 2019, nama bagi unit zakat ialah Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf UiTM yang diletakkan terus di bawah seliaan Naib Canselor (Pekeliling Naib Canselor, 2019). Di peringkat UiTM Cawangan pula, diurus oleh Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAF) (Tarmuji, et. al., 2022). Tadbir urus zakat di UiTM meliputi tiga lapisan pengurusan iaitu Jawatankuasa Akaun Amanah Zakat UiTM, Jawatankuasa Agihan Zakat UiTM (di Shah Alam dan Kampus Cawangan) dan Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf yang menguruskan kutipan dan agihan zakat.

UiTMCS telah memeterai MoU dengan MUIS pada tahun 2012 sebagai asas kerjasama antara kedua-dua institusi tersebut dalam pelbagai bidang berkaitan pendidikan, penyelidikan dan bantuan kewangan. Bermula tahun 2014, pihak MUIS telah meyumbangkan dana zakat kepada pihak UiTMCS sebanyak RM100,00.00 setahun untuk menguruskan pengagihannya kepada pelajar. Jumlah ini meningkat kepada RM220,000.00 setahun pada tahun 2020 dan 2021. Selain MUIS, sumber dana zakat UiTMCS juga diterima daripada potongan zakat gaji staf di LZS yang akan dipulangkan semula 50% ke kampus, badan-badan korporat dan syarikat perniagaan sekitar Sabah (Tarmuji, et. al., 2022). Jumlah keseluruhan yang diterima daripada tahun 2011 sehingga 2022 adalah melebihi RM3 juta. Wang tersebut telah diagihkan kepada 8087 orang pelajar UiTMCS (Laporan Agihan Zakat UiTMCS Tahun 2022).

Sementara itu, UMS merupakan organisasi dan universiti pertama di negeri Sabah yang mendapat mandat lantikan sebagai ejen amil melalui surat pelawaan daripada Bahagian Zakat dan Fitrah (BZF), MUIS yang dahulu dikenali sebagai Pusat Zakat Sabah melalui surat bertarikh 26hb Disember 2017; No. Rujukan PZS:500-14/1/3(01) untuk melantik UMS sebagai ejen pungutan dan agihan zakat harta bagi pihak MUIS. Walaubagaimanapun, Majlis menandatangani MoA antara UMS dan MUIS hanya dimeterai secara rasminya pada 22 Oktober 2022 (<https://sabahmedia.com/2022/10/14/ums-muis-tandatangan-moa-jalin-kerjasama-dalam-pungutan-dan-agihan-zakat-harta/>).

Agihan dan kutipan zakat di UMS bermula seawal penubuhan Pusat Islam UMS (PIUMS) yang pada mulanya dikenali sebagai Unit Hal Ehwal dan Masjid UMS yang diletakkan di bawah Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dalam seliaan Timbalan Naib Canselor HEPA. Peranan dan fungsian tersebut diperkuatkan dan dikembangkan lagi selaras dengan kenaikan taraf Unit Hal Ehwal Islam dan Masjid UMS kepada PIUMS berkuat kuasa pada 1 Februari 2015 (Petikan Minit Jawatankuasa Pihak Pengurusan Universiti). Pada mulanya pengurusan

agihan dan kutipan zakat diletakkan di bawah sektor Pengurusan Masjid UMS pada tahun 2015 dan kemudianya dipindahkan ke sektor Hal Ehwal Islam. Seterusnya, bermula bulan Mei 2023 urusan tersebut diletakkan di bawah Sektor Pendidikan dan Zakat PIUMS (Perubahan Struktur Organisasi PIUMS). Di peringkat awal, PIUMS hanya menjalankan aktiviti agihan dan menerima sumbangan zakat daripada agensi dan syarikat luar. Bermula bulan Februari 2023 PIUMS secara rasminya menjalankan operasi sebagai ejen pungutan amil zakat BZF dan juga aktiviti agihan bagi BZF serta agensi dan syarikat luar.

Jumlah agihan zakat kepada asnaf dalam kalangan pelajar dan kakitangan UMS adalah bergantung kepada sumbangan zakat yang diterima daripada agensi luar dan prestasi kutipan zakat pengajian UMS. Fokus utama kutipan dan agihan di PIUMS adalah disasarkan kepada kakitangan UMS dan juga yang berkhidmat di Kampus Induk Kota Kinabalu dan Fakulti Pertanian Lestari, Kampus UMS Sandakan serta Kampus Antarabangsa Labuan. Manakala hasil daripada kutipan tersebut akan diagihkan kepada asnaf khususnya dalam kalangan pelajar atau kakitangan yang layak menerima zakat melalui beberapa prosedur dan tatacara agihan yang telah ditetapkan mengikut Garis Panduan Pengurusan Zakat PIUMS.

### **Kadar Bantuan Zakat Pelajar di UiTMCS dan UMS**

Di UiTM, kadar jumlah agihan zakat berbeza bagi setiap kategori asnaf dan juga mengikut peringkat pengajian diploma, sarjana muda dan sarjana. Kadar ini ditetapkan oleh UiTM Induk untuk dilaksanakan di semua kampus cawangan. Agihan ini dibuat pada setiap semester.

**Jadual 1: Kadar Agihan Zakat Mengikut Kategori Asnaf di UiTM**

<b>Kadar Semester (maksima)</b>						
<b>Asasi/Pra Diploma/Diploma</b>	<b>Sarjana Muda</b>			<b>Sarjana</b>		
Tiada Pinjaman (RM)	Ada Pinjaman (RM)	Tiada Pinjaman (RM)	Ada Pinjaman (RM)	Tiada Pinjaman (RM)	Ada Pinjaman (RM)	
Fakir	1,000	500	1,200	600	1,500	
Miskin	800	400	1,000	500	(2 kali sepanjang pengajian)	(2 kali sepanjang pengajian)
<i>Fi Sabilillah</i>	600	300	800	400		
Mualaf	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hadiah RM400</li> <li>• Yuran pengajian (mengikut bilangan pengajian)</li> <li>• Elaun keperluan sara hidup - RM500 sebulan (maksimum RM3,000 satu semester)</li> <li>• Elaun keperluan pengajian (maksimum RM2,500 satu semester)</li> </ul>					

Sumber: Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAF), UiTM

Berdasarkan Jadual 1 di atas, terdapat dua kadar yang berbeza bagi setiap kategori asnaf, kecuali asnaf mualaf iaitu tiada pinjaman dan ada pinjaman. Bagi pelajar yang mempunyai bantuan pendidikan seperti Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), penajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Biasiswa Kerajaan Negeri Sabah (BKNS) dan lain-lain mendapat jumlah bantuan lebih rendah berbanding dengan pelajar yang tidak menerima bantuan lain. Contohnya, di peringkat diploma asnaf fakir yang ada pinjaman mendapat bantuan RM500 manakala yang tiada pinjaman mendapat RM1,000. Ini kerana kadar yang diberikan adalah untuk menampung sebahagian kos sara hidup pelajar yang menerima bantuan pendidikan/pinjaman.

Kadar agihan yang diberikan untuk asnaf fakir, miskin dan *fi sabilillah* mengikut peringkat pengajian adalah berbeza. Kadar bantuan di peringkat diploma lebih rendah berbanding peringkat sarjana muda dan sarjana. Contohnya, bagi pelajar yang tidak menerima bantuan pendidikan dari institusi lain di peringkat diploma, kadar untuk asnaf fakir, miskin dan *fi sabilillah* ialah RM 1,000, RM800 dan RM600. Manakala kadar bantuan di peringkat sarjana muda bagi fakir, miskin dan *fi sabillah* ialah RM1,200, RM 1,000 dan RM800. Seterusnya, bantuan kepada pelajar di peringkat sarjana, tawaran bantuan diberikan sebanyak dua kali sahaja sepanjang semester. Manakala bantuan untuk asnaf mualaf adalah sedikit berbeza. UiTM menyediakan bantuan yuran keperluan sara hidup secara bulanan iaitu RM500 dan bantuan yuran pengajian serta keperluan pengajian maksimum RM2,500.

Berbeza dengan UMS, kadar agihan zakat adalah berpandukan kepada Panduan Zakat UMS dan syarat agensi yang memberikan sumbangan. Kadar minima agihan yang ditetapkan bagi permohonan biasa adalah sebanyak RM200.00 sehingga RM500.00. Walau bagaimanapun, kadar ini berubah mengikut keperluan pelajar dan tertakluk kepada persetujuan Ahli Jawatankuasa Zakat UMS. Bagi permohonan zakat yang khusus, kadar agihan ini boleh berubah berdasarkan keperluan semasa pemohon. Sebagai contoh, Jawatankuasa Zakat UMS pernah meluluskan permohonan perubatan sehingga RM5,000.00 bagi bantuan menukar bateri jantung kepada pelajar. Dalam kes yang lain permohonan bantuan yuran pengajian tertunggak, Jawatankuasa pernah meluluskan sehingga lebih daripada RM1,000.00. Bagi kes permohonan pelajar mualaf, pihak Jawatankuasa meluluskan bantuan zakat setiap semester sehingga akhir pengajian pelajar.

### Proses Permohonan Zakat UiTMCS dan UMS

Di UiTMCS, permohonan zakat secara rasminya dibuka dua kali setahun berdasarkan kalender akademik universiti iaitu sesi Oktober- Februari dan Mac-Julai. Namun begitu, permohonan adalah terbuka sepanjang tahun di luar waktu yang ditetapkan bagi kes-kes tertentu dan kecemasan yang memerlukan bantuan segera. Permohonan bantuan zakat UiTMCS adalah secara atas talian melalui pautan *google form* yang disediakan dan dimaklumkan di laman web rasmi UiTMCS serta media sosial (Tarmuji, et. al., 2022).

Pelajar yang ingin memohon bantuan zakat dikehendaki memuat naik dokumen sokongan seperti salinan kad pengenalan, slip gaji ibu bapa/penjaga dan dokumen lain yang relevan (Tarmuji, et. al., 2022). Bagi pemohon yang berjaya, pemohon hendaklah menjalani proses temubual dengan panel pada tarikh yang ditetapkan samada secara bersemuka ataupun secara atas talian. Selepas diproses selama beberapa minggu, keputusan pelajar yang berjaya menerima zakat akan diberitahu secara rasmi kepada setiap pelajar selain daripada pemberitahuan secara atas talian dengan menggunakan aplikasi telegram ataupun whatsapp. Bayaran zakat akan diuruskan oleh pihak kewangan dan akan dikreditkan terus ke akaun bank penerima zakat.

Proses agihan zakat melibatkan pelajar di UMS pada mulanya adalah secara manual dengan menggunakan borang manual dan juga *google form*. Pada tahun 2015, UMS telah menginovasikan proses permohonan dengan menggunakan sepenuhnya Sistem Maklumat Pelajar Bersepadu (SMPB) dan diintegrasikan dengan kadar kiraan *had kifayah* bagi menentukan kategori asnaf pemohon secara bersistem. Dalam sistem tersebut keperluan memuat naik dokumentasi telah diringkaskan berdasarkan yang perlu sahaja kerana maklumat pelajar telah sedia ada dalam sistem. Antara dokumen tambahan yang perlu dimuat naik adalah seperti maklumat gaji terkini ibu bapa atau penjaga. Proses hebahan bermula dalam tempoh dua

sehingga empat minggu dalam sistem dan juga diuar-uarkan dalam media sosial rasmi UMS dan PIUMS. Selepas iklan ditutup, proses tapisan, temuduga dan kelulusan akan dilaksanakan dalam tempoh tujuh sehingga 14 hari. Proses bayaran akan dibuat oleh Bendahari UMS dalam tempoh 14 hari bekerja tertakluk kepada dokumentasi permohonan yang lengkap diterima.

Secara keseluruhan, proses permohonan zakat di kedua-dua universiti ini menunjukkan usaha yang signifikan dalam menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar asnaf. Kerjasama antara institusi zakat dan universiti memainkan peranan penting dalam memudahkan pelajar mendapat akses kepada pendidikan tinggi tanpa beban kewangan yang berat. Inovasi yang dilaksanakan oleh UMS melalui sistem digital dan integrasi *had kifayah* memberikan kemudahan yang lebih sistematik, manakala UiTMCS dengan pendekatan atas talian juga memberi kemudahan yang sama. Kedua-dua sistem ini dapat mempercepatkan proses permohonan dan memudahkan pemohon untuk melaksanakan tanggungjawab mereka.

### **Jumlah Agihan dan Jumlah Penerima Zakat**

**Jadual 2: Jumlah Agihan Zakat di UiTMCS bagi Tahun 2021 hingga 2023**

<b>Bil.</b>	<b>Asnaf</b>	<b>Agihan (RM)</b>		
		<b>2021</b>	<b>2022</b>	<b>2023</b>
1.	Fakir	129,350	110,550	140,690
2.	Miskin	181,200	154,790	203,650
3.	<i>Fi sabilillah</i>	43,950	130,300	292,770
4.	Mualaf	-	-	1,000
<b>Jumlah</b>		<b>354,500</b>	<b>395,640</b>	<b>638,110</b>
Bilangan Pelajar yang menerima bantuan		599	786	1201

Sumber: Laporan Agihan Zakat, Unit ZAWAF UiTMCS

Jadual 2 di atas menunjukkan jumlah agihan zakat oleh UiTMCS yang mencecah lebih RM1.3 juta dalam tempoh tiga tahun. Kategori asnaf miskin menerima peruntukan tertinggi pada tahun 2021 dan 2022, manakala pada tahun 2023, asnaff *fi sabilillah* mencatatkan peruntukan tertinggi. Ketiga-tiga kategori ini merupakan penerima utama zakat di UiTMCS. Sementara itu, bagi kategori asnaf mualaf, jumlah peruntukan RM1,000 diagihkan daripada tabung zakat UiTM, dengan bantuan zakat untuk kategori ini disalurkan terus oleh kampus induk di Shah Alam mengikut kadar yang ditetapkan, seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.

Kategori *fi sabilillah* merujuk kepada pelajar yang mungkin tergolong dalam golongan fakir atau miskin, namun mereka masih mempunyai sumber kewangan melalui pinjaman PTPTN. Walaupun mereka telah menerima pinjaman pendidikan, mereka mungkin masih menghadapi kesulitan kewangan yang disebabkan oleh tanggungan lain seperti kos kehidupan harian, peralatan pendidikan atau keperluan perubatan. Oleh itu, mereka masih berhak menerima bantuan zakat dalam kategori *fi sabilillah*.

Setiap tahun, pihak ZAWAF menyediakan laporan agihan zakat yang akan dibentangkan kepada MUIS untuk memastikan kepercayaan BZF-MUIS dipelihara dan hubungan baik dengan pihak mereka kekal terjalin.

### **Jadual 3: Jumlah Agihan Zakat di UMS bagi Tahun 2021 hingga 2023**

<b>Bil.</b>	<b>Asnaf</b>	<b>Agihan (RM)</b>		
		<b>2021</b>	<b>2022</b>	<b>2023</b>
1	Fakir		478,100	470,000
2	Miskin		265,100	349,650
3	<i>Fi sabilillah</i>	574,500	78,250	194,600
4	Mualaf		1,200	-
<b>Jumlah</b>		<b>574,500</b>	<b>822,650</b>	<b>1,014,250</b>
Bilangan Pelajar yang menerima bantuan		1115	1442	2373

Sumber: Statistik dan Poster Agihan Bantuan Zakat, PIUMS

Jadual 3 menunjukkan agihan bantuan zakat oleh PIUMS kepada pelajar dalam tempoh tiga tahun. Pada tahun 2021, maklumat yang ada tidak membezakan peruntukan zakat mengikut kategori asnaf tetapi mencatatkan jumlah keseluruhan agihan. Dalam tempoh tersebut, kategori asnaf fakir menerima peruntukan tertinggi berbanding asnaf miskin dan *fi sabilillah*. Sementara itu, bagi kategori asnaf mualaf hanya dua pelajar yang menerima bantuan zakat pada tahun 2022. Laporan pemohon zakat PIUMS menunjukkan bahawa permohonan zakat daripada golongan mualaf adalah terhad di UMS (Laporan Zakat 2022-2023).

Peningkatan jumlah agihan dan bilangan pelajar yang menerima bantuan zakat selama tiga tahun terutamanya tahun 2023 yang menunjukkan penambahan 931 pelajar yang melibatkan jumlah peruntukan RM191,600 menunjukkan peningkatan kutipan zakat di PIUMS. Selama dua tahun PIUMS telah mengeluarkan poster laporan agihan bantuan zakat sebagai tanda penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyumbang-penyumbang zakat di PIUMS.

#### **Mekanisme agihan Dana Zakat oleh UiTMCS dan UMS**

Bagi meluaskan penggunaan dana zakat yang diperolehi pelbagai bentuk program dilaksanakan selain tawaran bantuan zakat melalui permohonan yang dibuka setiap semester. Bantuan lain yang diberikan oleh UiTMCS ialah bantuan peralatan pengajian seperti komputer riba bagi memudahkan pembelajaran secara dalam talian ketika pandemik COVID 19. Agihan juga disalurkan dalam bentuk penganjuran program-program seperti Program Ziarah Asnaf dengan mengadakan lawatan ke rumah pelajar daripada golongan asnaf di sekitar Kota Kinabalu dan Tawau untuk menyampaikan sumbangan dalam bentuk tunai dan barang dapur. Selain itu, program edaran makanan dalam kampus untuk pelajar yang dilaksanakan secara mingguan.

Dengan dana zakat juga, UiTMCS melaksanakan program-program pembangunan pelajar. Antaranya, menyediakan kelas bimbingan al-Quran, Fardhu Ain, dan program Kem Solat untuk memperkuuhkan sahsiah pelajar. Selain itu, melaksanakan program pembangunan akademik seperti program mentor mentee untuk membantu meningkatkan pencapaian akademik. Bagi menyokong program Plus Tahfiz UiTM, amaun khas dari tabung zakat diperuntukkan untuk memberi elaun kepada pelajar yang menyertai program tersebut dan juga elaun tenaga pengajar. Ini menunjukkan komitmen UiTMCS dalam memberikan sokongan menyeluruh kepada asnaf pelajar.

Seperti UiTMCS, pihak PIUMS juga bertanggungjawab memberikan bantuan kepada golongan asnaf di UMS merangkumi aspek sosial, ekonomi, pendidikan dan kerohanian. Bagi kategori pelajar, banyak bantuan yang disediakan oleh PIUMS tidak hanya terhad kepada bantuan tunai

yang diberikan setiap semester tetapi jenis bantuan lain turut diberikan mengikut keperluan semasa jika diperakukan oleh Jawatankuasa Zakat.

Bantuan pendidikan juga diberikan kepada pelajar berkelayakan dalam bentuk alat bantu pembelajaran seperti komputer riba dan buku. Pembayaran yuran pengajian disalurkan sama ada sekali atau sepanjang tempoh pengajian mengikut syarat ditetapkan. Bantuan penginapan, termasuk asrama, rumah sewa, dan tiket penerbangan bagi pelajar luar bandar turut disediakan. Dari segi sosial, pelajar menerima bantuan makanan harian, wang saku, wang runcit serta sagu hati setiap hari raya. Turut disalurkan bantuan kecemasan seperti bencana alam, kemalangan dan perubatan contohnya penukaran bateri jantung. Bagi kategori asnaf mualaf, PIUMS menyediakan pelbagai program dan bantuan kewangan seperti ceramah, *khatan*, sumbangan individu atau persatuan serta kursus dan latihan khas.

### Kesimpulan

Kajian ini mendapati bahawa UiTMCS dan UMS memainkan peranan penting dalam menyalurkan bantuan zakat pendidikan kepada asnaf pelajar. Hal ini menunjukkan komitmennya yang tinggi sebagai penolong amil MUIS. Dana zakat disalurkan kepada golongan fakir, miskin, *fī sabilillah* dan mualaf dengan proses agihan yang teratur meskipun terdapat perbezaan dari segi sumber dan kaedah pengumpulan dana. Pengurusan tertinggi IPT turut terlibat dalam kelulusan agihan bagi memastikan pelajar yang layak menerima bantuan tanpa keciran.

Kerjasama antara institusi zakat dan IPT dilihat sebagai langkah proaktif dalam meningkatkan bantuan kewangan kepada pelajar terutama di Sabah yang turut memberi kesan positif terhadap prestasi akademik dan kualiti hidup pelajar. Penyaluran zakat pendidikan melalui IPT berupaya mengurangkan kesan cabaran ekonomi terhadap kemasukan pelajar ke universiti. Pengurusan zakat di IPT membantu mengurangkan birokrasi dan meningkatkan kecekapan agihan, di samping membuka ruang kepada inovasi dalam bentuk agihan berdasarkan keperluan semasa melalui kajian dan penyelidikan. Oleh itu, dasar ketelusan amat penting untuk menambah keyakinan masyarakat terhadap pengurusan zakat oleh IPT serta mendorong peningkatan sumbangan zakat. Secara keseluruhan, kerjasama ini membuktikan keberkesanannya dalam menyokong pendidikan dan kebajikan pelajar asnaf secara holistik.

### Penghargaan

Sekalung penghargaan ditujukan kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sabah dan Universiti Malaysia Sabah yang telah memberikan sokongan terhadap kajian ini. Terima kasih juga kepada semua pihak yang terlibat dalam pengumpulan data.

## Rujukan

- Adnan, W.A. (2023). Membasmi Kemiskinan Di Sabah.  
<https://sabahmedia.com/2023/08/30/membasmi-kemiskinan-di-sabah/>.
- Ayub, M.N., Hassan, S.H.M, Lateh, N., Ishak, M.M.I., Anasat, M.N., & Hilm, M.N. et al. (2022). Impak Agihan Zakat Pendapatan Dalam Memenuhi Keperluan Pelajar di Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah. *Proceedings Borneo Islamic International Conference*, (hlm. 113-118). UiTM Cawangan Sarawak:Kuching
- Ayub, M.N., Hassan, S.H.M, Lateh, N., Ishak, M.M.I., Anasat, M.N., & Hilm, M.N. et al. (2022). Kecekapan Pengurusan di UiTM. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, volume: 7 Issues: 45 [pp. 213 - 221]. D.O.I: 10.55573/JISED.074518. <http://www.jised.com/PDF/JISED-2022-45-06-26.pdf>.
- Hashim, N. & Mustaffa, M.Z (2012). Pengurusan Zakat di IPTA: Pengalaman dan Cabaran di UiTM. *The 8th UiTMCJ Academic Conference*. Segamat: UiTM Johor
- Mohd Razi, N. & Ahmad, N.A. (2017). Peranan Zakat dalam Meningkatkan Ekuiti dalam Pendidikan Anak-Anak Miskin Bandar di Malaysia. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan Bil 4 Isu 3 h. 1-13.*
- Jasmi, K.A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatitif dlm Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012 di Puteri Resort Melaka pada 28-29 Mac 2012. Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.
- Lateh, N., Osman, M.R. & Din, G. (2019). Sorotan Historika 20 Tahun Kutipan dan Agihan Zakat di Universiti Teknologi MARA. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 18(3), 197-210.
- Mahmud, R., Ahmad, S., Mohamad, A.B, Ahmad, S.(2014).Institusi Pengajian Tinggi Sebagai Model Melokalisasikan Urus Tadbir Zakat di Malaysia,” *Jurnal Muamalat* 7 (2014), 133-164.
- Mustafa, A.A., Wahid, H., & Ahmad, S. (2015). Kesan Bantuan Zakat terhadap prestasi Akademik Pelajar: Kajian terhadap Pelajar Tajaan Lembaga Zakat Selangor di Institusi Pengajian Tinggi. Dlm Ali, N.A, Che Seman, A., & Mohammad, M.T (Cet.Pertama). Isu Kontemporari agihan zakat di Malaysia (pp.93-107). Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).
- Rahman, A.A, & Makhtar. A.W (2011). Kelayakan dan Kedudukan Pelajar sebagai Penerima Zakat Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Pengurusan Jawhar*. Jabatan Wakaf, Zakat & Haji, Jabatan Perdana Menteri.
- Rahman. A.A & Anwar, S.M. (2014). Zakat Pendidikan Kepada Golongan Asnaf di Malaysia: Peranan Dan Cabaran Pada Masa Kini. *Proceeding of the International Conferent On Masjid, Zakat And Waqf (IMAF 2104)*. Kuala Lumpur. Malaysia.
- Rosli, H. F., Othman, N., & Othman, N. (2021). Keciciran Pelajar Di Peringkat Pendidikan Tinggi: Punca Dan Penyelesaiannya. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 738-747.
- Saharuddin, S.N.A, Halimi, A.H & Mohd Zakaria, N.A.A.N. (2020). Tahap Keberkesanan Zakat Pendidikan Dari Sudut Sosial: Kajian Di KPBKL. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020) – Dalam Talian pada 24 & 25 November 2020*. e-ISBN: 978 967 2122 78 4951.
- Sayin, B., Hamdani, H., Sabari, L.F. (2017). Isu-Isu Kotemporari Dalam Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam, ACIS UiTM.
- Tarmuji, R., Abd Malik, N.A., & Roseline, A.K., & Mohd Amin, S. (2022). Agihan Zakat Oleh UiTM Cawangan Sabah: Suatu Sorotan. *Proceedings Borneo Islamic International Conference*, (hlm. 124-129). UiTM Cawangan Sarawak:Kuching.
- UiTM (a). (2019). Arahan Amanah Zakat UiTM.

Unit Zakat Sedekah dan Wakaf (ZAWAF), UiTM Cawangan Sabah. 2022. Laporan Agihan Zakat UiTMCawangan Sabah.

Wiwitan, D., Ngadiman, T., Wahid, H. & Nor, M.A.M. (2016). Cadangan Melokalisasikan Agihan Zakat Di Institusi Pengajian Tinggi: Kajian Di Politeknik Kota Kinabalu, Sabah. *E-Prosiding Seminar Kebangs*